

11 DEC 1999

Ong-Lantik

ONG KA TING TUMPUKAN KEPADA MASALAH PERUMAHAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru dilantik, Datuk Ong Ka Ting berazam untuk meneruskan perancangan yang telah dibuat selain memberi tumpuan kepada masalah perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

"Saya akan sedaya upaya mengkaji segala pelan yang dirancang dan yang sedang dijalankan di bawah pimpinan yang lalu dan bagaimana untuk meneruskan usaha yang belum siap serta mendengar teguran serta maklumat balas daripada rakyat dan badan yang berkaitan," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Malaysia '99 Bersama Pesta Buku Elektronik '99 di The Mines dekat sini hari ini.

Ong akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah bersama-sama menteri dan timbalan menteri yang lain Selasa ini. Beliau menggantikan Datuk Dr Ting Chew Peh yang digugurkan daripada kabinet.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan senarai baru kabinet selepas Barisan Nasional memenangi majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum lepas.

Ong, yang menjawat jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri sehingga Isnin ini, berkata walaupun tanggungjawab yang diterimanya berat tetapi ia merupakan cabaran dan beliau sanggup menghadapinya bagi memenuhi kehendak rakyat yang memilih kerajaan Barisan Nasional.

Beliau berkata perkhidmatan yang baik perlu diberikan kepada rakyat sejajar dengan matlamat Manifesto BN dan prinsip untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan suasana persekitaran kediaman yang selesa.

Ditanya mengenai pelantikannya, Ong berkata beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir dan pucuk pimpinan MCA di atas kepercayaan mereka.

Ong, 43, menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 3 Mei 1995 selepas berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen kementerian itu pada 1990.

Semasa ditanya mengenai tugasnya di KDN yang bakal dilepaskan Isnin ini, Ong berkata ada beberapa tugas yang belum selesai termasuk tugas memerangi dadah dan kegiatan jenayah.

Beliau berharap rakannya yang akan mengambil alih tugasnya akan meneruskan usaha itu.

-- BERNAMA

NHD AKD